RMK-9 bukti komitmen Pak Lah

BH - 17/3/2006.

Tanggungjawab semua rakyat gembleng tenaga bantu pelaksanaan

APABILA Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Dewan Rakyat dua minggu daripada sekarang, Perdana Menteri sebenarnya mempersembahkan satu rangka kerja komprehensif yang menjanjikan masa depan lebih cerah untuk rakyat dan negara.

Bagaimanapun, ia tertakluk kepada setakat mana program dan projek yang disenaraikan menerusi RMK-9 itu dapat dilaksanakan mengikut semangat dan hasrat ia disediakan.

Soal kerajaan, khususnya Perdana Menteri sendiri mempunyai komitmen yang tidak berbelah bagi untuk memastikan kejayaan sepenuhnya rancangan itu, memang sudah tidak boleh dipertikaikan lagi.

Menurut pegawai di Pejabat Perdana Menteri, Abdullah meletakkan keyakinan cukup tinggi terhadap rancangan itu untuk memacu negara ke kemuncak kejayaan yang menjadi idaman semua orang - sebuah negara maju yang dibentuk mengikut acuannya sendiri menjelang 2020.

Perdana Menteri yang sudah menghabiskan banyak masa menyemak persediaan terakhir rancangan itu sejak beberapa bulan lalu, sudah berulang kali mengingatkan anggota Kabinetnya untuk menjadikan pelaksanaan berkesan RMK-9 sebagai keutamaan dalam tugas harian mereka.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa mulai bulan depan, selepas pelancaran rasmi rancangan itu, prestasi menteri akan diukur berdasarkan kepada keberkesanan mereka dalam memastikan kejayaan program dan projek RMK-9 yang terletak di bawah kawal selia kementerian masing-masing.

Ketika menentukan pelantikan menteri baru dan penetapan atau pertukaran portfolio masing-masing dalam rombakan Kabinet baru-baru ini pun, kriteria itulah yang diambil kira.

Malah, Abdullah tidak pernah berahsia dalam hal ini. Perdana Menteri sudah banyak kali menegaskan bahawa beliau tidak akan teragak-agak menggantikan menteri yang tidak berprestasi.

INTIPATI

- Perdana Menteri sendiri mempunyai komitmen yang tidak berbelah bagi untuk memastikan kejayaan sepenuhnya rancangan RMK-9.
- Abdullah meletakkan keyakinan cukup tinggi terhadap rancangan itu untuk memacu negara ke kemuncak kejayaan yang menjadi idaman semua orang.
- Perdana Menteri yang sudah menghabiskan banyak masa menyemak persediaan terakhir rancangan itu sejak beberapa bulan lalu.
- Perdana Menteri sudah berulang kali mengingatkan anggota Kabinetnya untuk menjadikan pelaksanaan berkesan RMK-9 sebagai keutamaan dalam tugas harian mereka.

Begitulah besarnya harapan dan tingginya azam Abdullah untuk mengemudikan negara ke arah kemajuan yang lebih pesat dan bermakna selaras hasrat dan tuntutan semasa.

Tetapi hasrat itu akan hanya tinggal sebagai hasrat jika azam dan komitmen yang tinggi untuk melihat kejayaannya terhenti di pejabat Perdana Menteri atau menteri, tanpa tersebar luas pada peringkat akar umbi.

Dengan kata lain, rakyat setiap peringkat termasuk ahli perniagaan, pegawai kerajaan, petani, nelayan dan buruh kasar, perlu memiliki keazaman serupa untuk menentukan kejayaan.

Walaupun, masih terlalu awal untuk membuat sebarang telahan mengenai inti pati rancangan yang bakal dibentangkan itu, adalah tidak tersasar jika dikatakan bahawa RMK-9 akan memberi manfaat, sama ada secara langsung atau tidak kepada setiap rakyat Malaysia.

Ini disebabkan rancangan itu milik setiap rakyat, bukan milik kerajaan, milik pegawai kerajaan atau milik Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menyediakan draf awal rancangan berkenaan.

Banyak proses rundingan yang membabitkan pelbagai lapisan masyarakat dalam penyediaannya. Apa pun, rakyat tidak harus menganggap RMK-9 sebagai 'durian runtuh'.

Seperti dijelaskan pada awal-awal lagi, ia adalah sebuah 'rangka kerja' dan untuk menikmati faedah yang diharapkan, seseorang tentulah terpaksa berkerja keras sesuai dengan kata pepatah 'jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.'

Satu hakikat yang setiap pihak harus terima ialah RMK-9 akan dilancarkan dalam suasana dan persekitaran jauh berbeza dengan suasana dan persekitaran yang mengiringi pelancaran RMK-8 lima tahun lalu atau rancangan lima tahun sebelumnya.

Sesuatu yang pasti ialah kemampuan kewangan kerajaan mempunyai hadnya, sementara keperluan dan keutamaan negara sudah berubah.

Sejak negara mencapai kemerdekaan 49 tahun lalu, taraf hidup rakyat sudah banyak berubah selaras dengan perubahan dari segi sosio-budaya, politik, ekonomi dan landskap fizikal.

Dari satu segi, jika Wawasan 2020 itu diumpamakan sebagai puncak sebuah gunung dan Malaysia sebagai pendaki, kini pendaki itu sudah sampai ke 'base-camp'. Pendakian seterusnya jauh lebih sukar dan mencabar kerana terpaksa meredah laluan yang lebih curam dan licin.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia sentiasa terdedah kepada faktor luaran yang secara langsung memberi kesan kepada prestasinya.

Banyak masalah yang dihadapi negara selama ini berpunca daripada faktor luaran, berbanding 20 atau 30 tahun lalu.

Oleh kerana semua negara di dunia kini saling bergantungan di antara satu dengan lain, maka apa yang berlaku di sesuatu tempat sudah pasti memberi kesan kepada tempat lain.

Contoh paling klasik ialah krisis kewangan yang melanda negara Asia pada 1997/1998 yang turut menjejaskan Malaysia.

Kenaikan mendadak harga minyak mentah pada peringkat antarabangsa dalam beberapa tahun kebelakangan ini juga satu lagi fenomena di luar kawalan Malaysia, sehingga negara terpaksa menaikkan harga runcit produk petroleum baru-baru ini yang nyata tidak disukai rakyat.

Untuk menjamin kelangsungan dalam suasana yang mencabar dan kompetitif ini, rakyat perlu meningkatkan daya tahan dan jati diri masing-masing. RMK-9 menyediakan panduan untuk tujuan itu.

Dalam hubungan ini, RMK-9 bolehlah disifatkan sebagai sebuah 'peta' yang akan melakarkan jalan terbaik dan paling selamat untuk dilalui dalam pendakian negara dan rakyat menuju puncak idaman bagi tempoh lima tahun akan datang. Puncak itu ialah Wawasan 2020.

Lakaran untuk pendakian seterusnya akan disediakan dalam RMK-10 dan RMK-11.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah berkhidmat sebagai sebagai Ahli Parlimen. Emel: rahmansulaiman@yahoo.com